

2,030 mahasiswa baru mendaftar di UMP hari ini

KUANTAN 30 Jun - Sebanyak 2,030 pelajar baru akan mendaftar di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, di sini, esok bagi sesi pengajian 2008-2009.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, daripada jumlah tersebut, 1,640 mendaftar untuk program ijazah sarjana muda, manakala seramai 390 pelajar akan mendaftar bagi program diploma.

Menurut beliau, kemasukan pelajar baru itu meningkat lebih 1,300 orang berbanding dengan kemasukan pada sesi pengajian 2007-2008.

"Pendaftaran pelajar baru peringkat diploma dan ijazah sarjana muda ini akan disusuli dengan program Minggu Induksi Siswa (MINDS) iaitu program suai kenal bermula esok hingga Jumaat di Kampus UMP di Gambang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Nadzariah memberitahu, kemuncak program MINDS itu ialah Forum Tokoh Kejuruteraan yang akan berlangsung di Astaka UMP pada Jumaat ini.

Katanya, selain program taklimat mengenai usaha pembangunan pelajar, akademik dan kemudahan yang ada di universiti, pelajar turut diberi penerangan mengenai peraturan universiti dan kolej kediaman serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Menurut beliau, semua pelajar baru ini akan ditempatkan di tiga kolej kediaman yang disediakan.

"Dianggarkan pengambilan pelajar kali ini adalah sama rata antara peratusan pelajar lelaki dan pelajar perempuan," jelasnya.